

LAMPIRAN A

**SENARAI USUL DARI MBJ PEKERJA BIL 1 TAHUN 2022**

BIL	GRED / SKIM	KATEGORI	USUL	KATEGORI
1	G48	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar Jabatan dapat menyediakan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alish bagi Pegawai Perikanan G48 yang memegang jawatan Ketua Cawangan dan ke atas bagi Ibu Pejabat.	
2	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Mohon untuk pihak Pengurusan menyemak semula Penilai LNPT bagi KDP di peringkat Daerah memandangkan KDP melaksanakan semua fungsi tugas Jabatan tetapi PPP bagi KDP adalah Ketua Cawangan Akuakultur (Negeri) dan PPK adalah Pengarah Negeri.	Digugurkan atas alasan isu peribadi
3	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar PPP sedia ada dinaikkan ke 1 Gred yang lebih tinggi. Contoh: PPP G29 sedia ada dinaikkan ke G32, G32 dinaikkan ke G36.	Naik taraf / penambahan jawatan
4	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar PPP sedia ada yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda diberi peluang untuk menjadi Pegawai Perikanan G41 terutamanya yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan ke atas.	Digugurkan rujuk pekeliling sedia ada
5	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar kuota pelantikan Pegawai Perikanan G41 diberikan kepada PPP sekurang-kurangnya 30% (30% pengambilan daripada kakitangan sedia ada, 70% pengambilan daripada kakitangan baharu)	Digugurkan kelulusan pengisian di bawah JPA dan SPA
6	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Mohon dicadangkan kepada pihak MAFI untuk pertambahan peruntukan mengurus khususnya berkenaan tuntutan perjalanan	Peruntukan megurus
7	Gred G29/32	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar pihak Pengurusan mengadakan Kursus Pemantapan Pen. Pegawai Perikanan secara berperingkat bagi mengeratkan hubungan silaturrahim, saling mengenali, memudahkan urusan tugas dan bertukar idea bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sebagai penjawat awam.	Kursus
8	Gred G29/32	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan untuk jawatan Ketua Daerah Perikanan dinaik taraf ke perjawatan Pegawai Perikanan G41 selaras dengan keperluan perkhidmatan dalam penyampaian maklumat dan perkhidmatan kepada masyarakat.	Naik taraf / penambahan jawatan
9	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Dicadangkan untuk Jabatan melaksanakan kutipan caj/fi/bayaran secara atas talian atau mewujudkan perjawatan Pemb. Tadbir (N atau W) di Pejabat Perikanan Daerah memandangkan beban tugas yang tinggi di PPD yang mengutip caj/fi/bayaran	
10	Gred G29/32	KEBAJIKAN	Dicadangkan agar pihak Pengurusan melaksanakan penempatan kakitangan dengan mengambil kira kebijakan kakitangan terutamanya keadaan keluarga dan kewangan kakitangan terlibat.	
11	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar pihak Pengurusan menyelenggara bangunan dan peralatan pejabat secara berkala di peringkat daerah terutamanya pendawaian elektrik, kemudahan penghawa dingin dan pencahayaan lampu pejabat yang menjelaskan imej dan keselesaan kakitangan serta kumpulan sasaran yang berurusan.	Peruntukan megurus
12	Gred G29/32	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar Jabatan mengambil tindakan dan memantau penggunaan parking di Aras B3, 4G2 yang digunakan untuk meletakkan kenderaan persendirian di pejabat terlalu lama.	Parkir
13	Gred G29/32	KEBAJIKAN	Dicadangkan agar bilangan petak parking OKU ditambah serta turut diperuntukkan bagi kegunaan kakitangan yang ada masalah kesihatan.	Parkir

14	Gred G29/32	KEBAJIKAN	Dicadangkan agar Jabatan mengambil inisiatif untuk mengeratkan hubungan antara Pegawai Kader dan Jabatan yang lain.	
15	Gred G19/22/26	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	Dicadangkan agar Tuntutan Kerja Lebih Masa dapat dinaikkan daripada RM300/bulan ke RM500/bulan memandangkan terdapat pelaksanaan tugas kakitangan Taman Laut yang mengutip caj pada hari minggu (Sabtu dan Ahad), kakitangan Perlindungan Sumber dan Taman Laut yang perlu menjaga aset bot/kapal peronda.	Peruntukan megurus
16	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar perjawatan G19 dinaik taraf ke perjawatan G29 selari dengan Jabatan/Agensi di bawah MAFI	Naik taraf / penambahan jawatan
17	Gred G19/22/26	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar kenaikan pangkat bagi perjawatan Pemb. Perikanan G19 ditetapkan pada 10 tahun sekali bagi memberi peluang kepada kakitangan bersara di gred yang lebih tinggi.	Digugurkan - rujuk pekeliling sedia ada
18	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar pengisian perjawatan Pemb. Perikanan yang bertugas sebagai Pegawai Memerintah (OC) di Cawangan Perlindungan Sumber dan Taman Laut memandangkan beban tugas yang tinggi untuk tugas luar, tanggung tugas ditambahkan pula dengan tuntutan kerja lebih masa yang dihadkan serta diganti dengan Cuti Gantian sehingga menjelaskan institusi kekeluargaan kakitangan	
19	Gred G19/22/26	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar Jabatan menaik taraf jawatan Ketua Pangkalan, Ketua Pusat dan Ketua Daerah Perikanan yang sedia ada iaitu G22/26 ke perjawatan sekurang-kurangnya G29 dan ke atas setara dengan Jabatan/Agensi lain.	Naik taraf / penambahan jawatan
20	Gred G19/22/26	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	Dicadangkan agar Jabatan menambah peruntukan bagi pelaksanaan Kursus/Latihan untuk Kumpulan Pelaksana untuk meningkatkan kemahiran kakitangan.	Peruntukan megurus
21	Gred G19/22/26	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar Jabatan mengkaji semula ketetapan pakaian seragam anggota penguatkuasaan agar menepati standard dan kualiti serta keselamatan yang diperlukan.	
22	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar Jabatan menyegerakan pewujudan dan pengiktirafan institut latihan perikanan setara dengan institut pengajian tinggi bagi membolehkan peningkatan laluan kerjaya yang lebih tinggi.	
23	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar lantikan perjawatan Pen. Pegawai Perikanan G29 diberikan keutamaan kepada kakitangan yang mempunyai kelulusan KPSL.	KPSL
24	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar Jabatan melaksanakan Peperiksaan KPSL secara atas talian supaya dapat meningkatkan kekerapan peperiksaan.	KPSL
25	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar Jabatan mewujudkan semula pengrekrutan kakitangan untuk ambilan baharu melalui Pusat Latihan Perikanan (PULAPEL).	Kursus

26	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar Jabatan dapat mewujudkan suasana harmoni melalui komunikasi dua hala dengan kakitangan.	Hubungan pekerja
27	Gred G19/22/26	KEBAJIKAN	Dicadangkan agar Jabatan dapat menyediakan kemudahan bantuan logistik kepada kakitangan yang kurang berkemampuan untuk urusan perpindahan atau kecemasan melalui penggunaan kenderaan lori atau van Jabatan	
28	Gred G19/22/26	KEBAJIKAN	Dicadangkan agar Jabatan dapat menganjurkan aktiviti sosial dalam kalangan kakitangan seperti aktiviti sukan atau kekeluargaan.	Hubungan pekerja
29	Gred G19/22/26	KEBAJIKAN	Dicadangkan agar Jabatan dapat mewujudkan koperasi khas atau insurans kelompok di Jabatan bagi memberi perlindungan kepada kakitangan yang terlibat dengan tugas yang berisiko ataupun ditimpak musibah.	Digugurkan - rujuk maklumbalas hal-hal berbangkit
30	Gred G19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar pelaksanaan tugas Pegawai Penyiasat (IO) dapat ditambahbaik dengan dilaksanakan oleh kakitangan sekurang-kurangnya Pen. Pegawai Perkanan G29	Naik taraf
31	Gred G19/22/26	LAIN-LAIN	Dicadangkan agar penambahan wakil pekerja MBJ daripada Skim A dan H	
32	Gred G19/22/26	KEBAJIKAN	Dicadangkan agar pihak Pengurusan menyediakan kenderaan van jenazah di setiap negeri setara dengan Jabatan lain bagi membantu ahli keluarga Jabatan dalam Pengurusan jenazah.	
33	N19/22/28/29/32/36 Setiausaha	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar Jabatan dapat melaksanakan Kursus Pemantapan Setiausaha Pejabat di Jabatan bagi saling mengenali dan mewujudkan hubungan baik sesama kakitangan untuk bekerjasama	Kursus
34	N19/22/28/29/32/36 Setiausaha	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar diwujudkan kuota penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Setiausaha Pejabat yang cemerlang	
35	N19/22/28/29/32/36 Setiausaha	PENTADBIRAN	Dicadangkan agar Setiausaha Pejabat dapat diberikan bentuk eluanatau kemudahan berkenaan tambah nilai prabayar/pasca bayar telefon bimbit memandangkan kakitangan banyak menggunakan telefon peribadi untuk menjalankan tugas rasmi.	Digugurkan - rujuk pekeliling sedia ada
36	N19/22/26 PTPO	KEBAJIKAN	Mewujudkan Pertubuhan Badan Khairat Kematian & Kebajikan DOF dengan merangkumi:  1. Pengurusan sumbangan yang lebih teratur dan bertanggungjawab 2. Menyediakan peluang kepada warga kerja DOF untuk sama-sama menyumbang 3. Menyediakan kos perbelanjaan pengurusan jenazah ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku musibah dengan kadar segera. 4. Untuk menjaga ahli-ahli di dalam hal-hal kebajikan dan kegiatan kemasyarakatan.	
37	N19/22/26 PTPO	SUMBER MANUSIA	1.Dicadangkan agar pertambahan perjawatan seorang Pemb. Tadbir lagi di Bahagian-Bahagian Ibu Pejabat menjadikan jumlah Pemb. Tadbir di setiap Bahagian adalah 2 perjawatan memandangkan beban tugas Pemb. Tadbir sedia ada.	Naik taraf / penambahan jawatan
38	N19/22/26 PTPO	PEMBANGUNAN MODAL INSAN	Dicadangkan Kursus Pengukuhan Pasukan (Kebijaksanaan Emosi dan Spiritual) 3H2M untuk Pembantu Tadbir (P/O), majoriti PT di DOF adalah bertukar masuk sejak 2020 dan 2021.	Kursus
39	Gred W19/22/26	SUMBER MANUSIA	Dicadangkan agar Jabatan mengadakan Hari Terbuka PSM bagi membolehkan setiap kakitangan menyemak Buku Perkhidmatan masing-masing.	